

**Pembinaan Modul Program Pembangunan Kepimpinan Pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia**

Hassan Bin Hushin & Mohammad Rudzuan Bin Mohd Nor

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Projek ini adalah berkaitan dengan pembinaan modul Program Pembangunan Kepimpinan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk panduan Jawatankuasa *First Year Experience* (FYE) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Modul ini dibina berdasarkan kepada cadangan daripada kajian yang telah dijalankan bertajuk “Pilihan dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Satu Tinjauan” oleh Ahmad Nawawi Bin Adnan (2007). Modul ini dibina mengikut Model Drum (1981) yang memberi penekanan kepada tiga unsur untuk membangunkan program yang berkualiti. Modul yang telah dibina ini telah disusun dalam unit-unit kecil, unit pertama akan mendedahkan pelajar berkaitan dengan kepimpinan, unit kedua akan membantu pelajar mempertingkatkan amalan berkomunikasi sesama pelajar dan unit ketiga akan membantu pelajar menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Diharap modul ini akan dapat membantu pihak Jawatankuasa FYE Fakulti Pendidikan UTM bagi menangani masalah pelajar pada peringkat awal untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus dan gaya pembelajaran di universiti melalui Program Pembangunan Kepimpinan.

*Katakunci* : modul program pembangunan kepimpinan pelajar

### **Pengenalan**

Program pembangunan pelajar merupakan salah satu aspek yang penting bagi pembangunan diri pelajar selain dari pembangunan akademik pelajar yang telah diberi penekanan di fakulti atau dengan kata lain sebagai pelengkap kepada diri pelajar untuk menjadi orang yang bersahsiah tinggi. Sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi yang baru, kehidupan di universiti merupakan satu pengalaman yang baru, maka satu program pembangunan pelajar harus dibentuk bagi membantu pelajar menyesuaikan diri.

*Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

(Sumber: Gerbang Web rasmi, Kementerian Pelajaran Malaysia)

Dengan wujudnya Falsafah Pendidikan Negara telah memberi pengertian dan taksiran yang lebih meluas dan komprehensif terhadap pendidikan dalam menentukan hala tuju pembangunan pelajar.

Tiga elemen tersebut ialah konteks, tujuan dan pelaksanaan. Setiap elemen tersebut perlulah diberi penekanan secara seimbang dan di sepadukan demi mencapai kejayaan dalam setiap program yang dijalankan (Baar & Keating, 1991). Program perkhidmatan pelajar akan

mengalami kegagalan sekiranya guru tidak memahami dan tidak melaksanakan dengan berkesan setiap elemen tersebut. Program pembangunan pelajar juga akan mengalami kegagalan sekiranya setiap elemen itu gagal untuk difahami sebagai elemen yang saling melengkapi antara satu sama lain. Jika hanya satu atau sebahagian sahaja elemen tersebut difahami dan dilaksanakan maka akan pincanglah program pembangunan pelajar yang dirancang.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan permasalahan yang telah dikenal pasti, jelas menunjukkan masih belum ada lagi suatu modul pembangunan kepimpinan untuk tahun satu yang sistematik. Maka kajian ini akan mereka bentuk satu program pembangunan kepimpinan untuk pelajar tahun satu berdasarkan lima aspek yang diketengahkan oleh Ahmad Nawawi (2007) iaitu melalui pembangunan kepimpinan.

### **Objektif Pembangunan Modul**

Modul yang dibina diharap dapat membantu pelajar. Antara objektif pembinaan modul ini ialah :-

- a. Membantu pihak pengurusan dalam menyediakan program-program kepimpinan yang melibatkan pelajar.
- b. Membantu pelajar yang menghadapi masalah pada peringkat awal untuk menyesuaikan diri dalam kampus UTM.
- c. Membantu pelajar menyelesaikan masalah dalam pembelajaran pada tahun pertama.
- d. Membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, serta dapat meningkatkan sahsiah dan jati diri.

### **Tujuan / Matlamat Program**

Matlamat program di wujudkan supaya apa yang kita jalankan akan meningkat atau lebih baik. Unsur yang mesti ada dalam program pembangunan pelajar menurut Model Drum (1981) ialah asas bagi pembentukan diri dan menghala kepada untuk mendapatkan maklumat bagaimana pelajar berfikir, merasa dan bertingkah laku. Matlamat pelajar yang menjadi asas dan perlu diberikan perhatian dalam menjalankan program pembangunan pelajar ialah merangkumi tujuh dimensi iaitu:

#### **i. Kerangka kognitif (*Cognitive structures*)**

Kerangka kognitif merupakan dimensi pertama yang direka untuk menjelaskan dan mentakrifkan bagaimana seseorang memproses dan menterjemahkan sesuatu maklumat, idea, konsep dan pengetahuan secara kognitif.

#### **ii. Perkembangan / Pembangunan estetik (*aesthetic development*)**

Perkara paling asas bagi perkembangan adalah sama ada setiap individu telah menguasai kecenderungan seperti yang telah disemai melalui pergaulan dengan insan-insan di sekelilingnya. Individu yang berupaya meningkatkan kepekaan terhadap sesuatu iaitu aras perkembangan yang paling halus adalah juga berupaya meningkatkan kepekaan terhadap kecantikan dan menilai setiap makna kecantikan tersebut. Pembangunan estetik dapat memberikan kesan pendidikan yang mendalam dalam pembinaan sikap yang betul, akal sihat, rohani yang bersih dan pembentukan peribadi yang beradab.

#### **iii. Pembentukan identiti (*identity formation*)**

Identiti sebagai suatu gambaran diri yang berkait secara logik, tetap kukuh walaupun melalui pelbagai keadaan dan tuntutan Sebelum pelajar melangkah ke universiti, mereka juga telah

mengikuti program-program yang dijalankan oleh pihak sekolah yang dapat membentuk jati diri. Pelajar ini boleh membezakan kemungkinan-kemungkinan dengan apa yang realiti, boleh membezakan antara dunia dewasa dengan apa yang mungkin berlaku di bawah keadaan ideal. Keadaan ini menyebabkan mereka bersifat idealistik. Sifat inilah yang menyebabkan mereka bersifat kritikal.

#### iv. Dimensi kesihatan fizikal (*physical health*)

Dimensi ke empat ini berkaitan dengan fizikal, mental dan rohani. Tiga tahap perkembangan dalam penguasaan dan penyelenggaraan kesihatan fizikal ialah:

- i. *Unitentional practice*
- ii. *Selective management*
- iii. *Personel responsibility*

Pelajar dihubungkan dengan pembesaran fizikal dan kematangan serta perubahan-perubahan biokimia. Ahli fisiologi berpendapat bahawa tingkah laku sosial pelajar boleh diramal dari proses-proses fizikal. Pendekatan ini menekankan bahawa proses-proses biologi adalah mekanisma-mekanisma penyebab yang menggerakkan perubahan-perubahan tingkah laku seseorang.

#### v. Dimensi pembangunan moral (*Moral Reasoning*)

Perkembangan moral bererti peraturan-peraturan dan nilai-nilai tentang apa yang individu lakukan apabila berinteraksi dengan individu lain. *Code of conduct* menentukan apa yang dianggap adil. Tingkah laku moral terdiri dari tingkah laku yang selaras dengan peraturan. Korektor moral pula ialah motif-motif, minat dan sebab-sebab yang mendasari tingkah laku. Terdapat tiga domain dalam pengkajian perkembangan moral iaitu pemikiran moral, tingkah laku moral dan perasaan moral.

#### vi. Dimensi hubungan interpersonal (*Interpersonal relatedness*)

Usaha untuk menjelaskan bagaimana pelajar-pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Aras yang paling asas dalam perkembangan ini adalah '*Self-centered*' atau tumpuan sendiri. Kesedaran hubungan ini menjadikan pelajar itu seorang yang bertanggungjawab terhadap kehidupannya dan menyayangi diri mereka sendiri.

#### vii. Pembangunan sosial (*social perspective*)

Perkembangan dan pembangunan modul sangat penting yang mana menjelaskan kepada pelajar tentang kehidupan bermasyarakat, hak-hak individu, keadilan sosial dalam masyarakat serta perpaduan yang perlu di ambil perhatian dalam dunia yang dipenuhi dengan pelbagai etnik.

### **Pembangunan Reka bentuk Program.**

#### **Pengenalan**

Pelaksanaan program pembangunan kepimpinan pelajar ini akan dijalankan dengan dua kaedah. Komponen asas akan dilaksanakan bersama-sama dengan program pembangunan sahsiah, akademik, kerjaya dan kemasyarakatan manakala komponen keperluan akan dijalankan secara berasingan mengikut kesesuaian.

Untuk melaksanakan program pembangunan ini, dua program telah dirancang iaitu:

- i. Program *Welcome Week* di Fakulti Pendidikan
- ii. Pembangunan Kepimpinan (Komunikasi Berkesan, Bagaimana Memimpin Pasukan)

#### **Program *Welcome Week***

Program *welcome Week* adalah merupakan minggu suai kenal pelajar tahun satu dengan Fakulti Pendidikan UTM. Rancangan program pada minggu ini adalah di sesuaikan mengikut

modul pembangunan sahsiah, pembangunan kepimpinan, pembangunan akademik, pembangunan kerjaya, pembangunan kemasyarakatan dan pembangunan sukan dan riadah.

### **Objektif Program**

Antara objektif program pembangunan pelajar tahun satu First Year Experience ialah:

1. Membantu pelajar tahun satu fakulti pendidikan dengan suasana dan gaya pembelajaran di UTM.
2. Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran diri pelajar tahun pertama fakulti pendidikan dari aspek kepimpinan.
3. Melahirkan pelajar yang berkeyakinan, bijak dapat menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran di universiti, menguasai pelbagai kemahiran dan berkebolehan menguruskan pembelajaran secara lebih efisien untuk meningkatkan pencapaian akademik.
4. Melahirkan pelajar di Fakulti Pendidikan akan berminat, untuk menjadikan profesion perguruan sebagai kerjaya pada masa akan datang.
5. Melahirkan masyarakat pelajar yang bersatu padu dan bekerjasama serta memahami peranan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan.
6. Melahirkan pelajar yang cergas dan aktif dengan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dan riadah serta mengamalkan gaya hidup sihat

### **Kumpulan sasaran**

Pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terlibat dalam program ini.

### **Jangka masa program**

TARIKH KURSUS : Minggu Kedua selepas MHS

TEMPOH MASA : 3 Hari 2 malam

TEMPAT : Hutan Rekreasi UTM

#### **TENTATIF PROGRAM**

##### **Hari pertama (Jumaat)**

2.30 – 3.30 Petang : Pendaftaran

3.30 – 5.00 Petang : Taklimat Program

5.00 – 7.00 Petang : Rehat dan makan malam

7.00 – 9.00 malam : Solat/kuliah maghrib/ Aktiviti Moral

9.00 – 11.00 malam : Mencari Rakan dan Membentuk Kumpulan

(Pembangunan kemasyarakatan)

##### **Hari Kedua (Sabtu)**

5.30 – 7.00 Pagi : Solat subuh / kuliah subuh

7.00 – 8.00 Pagi : Senaman Pagi

8.00 – 9.00 Pagi : Sarapan pagi

9.00 – 10.30 pagi : Menjana Kecemerlangan Akademik

(Pembangunan Akademik)

10.30 – 12.30 Tghri : Pengurusan Diri Mahasiswa

(Pembangunan Sahsiah)

12.30 – 2.00 petang : Rehat / makan tengah hari/ Solat zuhur

2.00 – 3.30 petang : Pengurusan Pembelajaran Secara Efisien

(Pembangunan Akademik)

3.30 – 4.30 petang : Badan Cergas Otak Cerdas

(Pembangunan Sukan dan Riadah)

4.30 – 5.30 tghri	: Minum Petang / Solat Asar
5.30 – 6.15 ptg	: Bersenam Sambil Menguji Kepantasan (Pembangunan Sukan Dan Riadah)
6.15 – 9.00 mlm	: Makan Malam / Solat
9.00 – 11.00 mlm	: <b>Kepimpinan Berkesan</b> (Pembangunan Kepimpinan)

**Hari Ketiga (Ahad)**

5.30 – 7.00 Pagi	: Solat subuh / Kuliah subuh
7.00 – 8.00 Pagi	: Senaman Pagi
8.00 – 9.00 Pagi	: Sarapan pagi
9.00 – 9.45 pagi	: Bengkel Pembangunan Diri dan Kerjaya (Pembangunan Kerjaya)
9.45 – 10.45 pagi	: Ujian Personaliti (Pembangunan Kerjaya)
10.45 – 11.00 pagi	: Minum pagi
11.00 - 12.00 tghari	: Ujian Minat kerjaya (Pembangunan Kerjaya)
12.00 – 1.00 tghari	: Penutup
1.00 petang	: Jamuan/ bersurai

**Pembangunan Kepimpinan (Komunikasi Berkesan, Bagaimana Memimpin Pasukan)**

Pembangunan Kepimpinan yang dirancang ini melibatkan unit 1 dan unit 2 daripada Modul Pembangunan Kepimpinan. Pelaksanaan program ini akan menjurus kepada teknik komunikasi berkesan dan bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

**Perbincangan**

Pembinaan modul program pembangunan kepimpinan pelajar adalah salah satu langkah untuk membantu pelajar tahun satu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus serta kaedah pembelajaran di UTM di samping dapat memupuk minat pelajar terhadap profesion perguruan. Pembinaan modul ini adalah salah satu usaha untuk membantu jawatankuasa First Year Experience (FYE) menyediakan aktiviti yang bersesuaian kepada pelajar tahun satu untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran yang kreatif dan kritis serta nilai peribadi yang terpuji dalam kehidupan.

Penyediaan modul pembangunan kepimpinan ini adalah salah satu elemen dalam program pembangunan pelajar yang disarankan oleh Ahmad Nawawi bin Adnan (2007, program pembangunan pelajar boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu pembangunan sahsiah, pembangunan kepimpinan, pembangunan akademik dan kerjaya, pembangunan kemasyarakatan dan pembangunan sukan dan riadah.

Berdasarkan temu bual bersama Dekan Fakulti Pendidikan Prof Dr. Mohd Salleh bin Abu pada 25 Mac 2008, pihak fakulti ada menyediakan beberapa program untuk pelajar tahun satu seperti kursus pendidikan, untuk bidang TESL, Multimedia dan Sains Sukan. Tujuan program tersebut dilaksanakan adalah untuk member pendedahan kepada para pelajar mengenai bidang yang diceburi. Ini kerana masalah umum pelajar tahun satu adalah kurang tahu hala tuju kerjaya dalam bidang yang diceburi dan kurang minat untuk meneruskan kerjaya dalam bidang pendidikan walaupun mereka adalah pelajar dalam bidang pendidikan. Ada segelintir pelajar

yang mengikuti kursus pendidikan lebih berminat pada kerjaya bukan dalam bidang perguruan. Malahan ada juga pelajar yang mendapat purata mata gred terendah ketika di matrikulasi tidak dapat memilih bidang profesional lain dan sekadar terpaksa memilih bidang pendidikan ini menjadikan bidang ini batu loncatan untuk memasuki universiti. Setelah tamat pengajian, bidang perguruan bukanlah menjadi tujuan utama sebaliknya lebih berminat pada kerjaya lain. Jadi pihak fakulti telah mengusahakan pelbagai program untuk memberi kesedaran kepada pelajar akan bidang yang diceburi, di samping membuka pemikiran pelajar akan tanggungjawab seorang guru supaya menimbulkan minat untuk meneruskan kerjaya sebagai guru. Selain itu, Dekan juga ada menekankan mengenai MedSI iaitu *Malaysian Education Selection Inventory* yang merupakan penetapan standard piawaian kepada semua pelajar yang ingin menceburi bidang pendidikan. Sebelum mengikuti kursus pendidikan, pelajar perlu menduduki ujian bertulis dan temu duga untuk menguji kecenderungan minat pelajar dalam bidang pendidikan.

Kepimpinan yang efektif merupakan faktor pendorong bagi setiap orang dalam sesebuah kumpulan untuk mencapai prestasi cemerlang. Dalam konteks ini, unit satu kepimpinan berkesan (Rujuk lampiran A) dilihat dapat membantu pelajar dalam membentuk peribadi seorang pemimpin. Melalui ceramah kepimpinan berkesan, banyak menyentuh perkara yang berkaitan dengan kepimpinan. Ceramah kepimpinan ini akan menambah pengetahuan kepada pelajar, secara tidak langsung dapat membentuk sifat kepimpinan dalam diri pelajar sebagai seorang bakal guru.

Menurut Konn Sieng Chien (2002), kajian ilmiah mendapati pemimpin boleh dibangunkan. Dalam konteks yang sesuai kepimpinan amat di perlukan sama ada ia sebuah organisasi pendidikan, penyelidikan atau sebuah badan berteknologi tinggi malah kepimpinan dikehendaki untuk membawa organisasi ke tahap yang membanggakan.

Mohd Saleh (2002) berpendapat proses komunikasi merupakan asas pembinaan segala aktiviti dalam sesebuah organisasi. Kegagalan dalam system komunikasi boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan dan salah faham. Sebagai pelajar yang baru, perlulah memberi sepenuh perhatian terhadap usaha untuk mewujudkan sistem komunikasi yang berkesan, kegagalan dalam aspek ini dapat menimbulkan banyak permasalahan yang akan menjejaskan pencapaian pelajar.

Melalui aktiviti unit dua komunikasi berkesan (Rujuk lampiran A), pelajar didedahkan kepada kemahiran berkomunikasi yang akan membantu pelajar bagaimana untuk mengatasi halangan dalam berkomunikasi.

Mengikut Tuan Mohd Fadlan (2006) Kemahiran berkomunikasi penting kepada bakal guru yang akan sentiasa berhadapan dengan pelajar, ibu bapa dan masyarakat. Guru perlu bertutur dengan jelas dan dapat difahami oleh pelajar, di samping tidak mengabaikan penggunaan struktur bahasa, guru perlu bijak dalam memilih teknik dan kaedah berkomunikasi agar pengajaran mudah difahami.

Menurut Mohd Nasuha (1996) untuk membuat sesuatu keputusan yang tepat serta bijak bukan perkara yang mudah. Ini kerana ia amat memerlukan kemahiran dan teknik-teknik yang khusus terutamanya tentang persoalan yang kompleks. Kebanyakan corak pembelajaran mementingkan nilai kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Melalui aktiviti unit tiga iaitu Bagaimana Memimpin Pasukan, pelajar didedahkan dengan cara untuk menyelesaikan masalah dan cara untuk membuat keputusan. Pelajar didedahkan dengan teknik dan strategi berfikir bagi melahirkan pelajar yang lebih matang dan berfikiran luas. Ini kerana terdapat masalah yang kompleks dan rumit yang memerlukan pelajar mengembangkan kecekapan intelektual, kemahiran sosial serta kewibawaan moral dan etika.

Dengan adanya latihan sebegini, secara tidak langsung pelajar tidak bergantung harap semata-mata kepada pensyarah.

Abdul Rahim (2001) berpendapat bahawa kemahiran membuat keputusan amat memerlukan seseorang itu menggunakan pengetahuan, pemikiran, sikap bertimbang rasa dan bertanggungjawab. Ini kerana kemahiran sebegini memerlukan pelajar membuat strategi dalam menyelesaikan masalah untuk memilih sesuatu yang dapat memberi faedah yang optimum terhadap tindakan mereka.

## **Rujukan**

- Ahmad Nawawi bin Adnan (2007). *Pilihan dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Di Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda (Tidak Diterbitkan 2007).
- Ainon Muhamad & Abdullah Hassan (2001) *Bakat dan Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Barr, M.J., & CuyJet, M.J. (1991). *Program Development and Implementation*. In T.K Miller, R.B Winston, Jr, & Associates, *Administration and Leadership in Student Affairs* (pp.706 – 739). Muncie, IN: Accelerated Development.
- Chek Mat (2005). *Kursus Pengurusan Program*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, N.J., Fornet D.S, Guido Dibirto. F (1998) *Student Development ini College Theory, Reasearch and Practice*. San Francisco, California: Jossey Bass.
- Fiedler, A.F *Theory of Leadership Effectiveness*. New York: MC Gran – Hill, 1967.
- Hashim Fauzy Yaacob (2001) *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur :IBS Sdn.Bhd
- Ibrahim Mamat (1997). *Memimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktis*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jumlah Pelajar Tahun Satu PTK Sesi 2007/2008. Universiti Teknologi Malaysia: Pejabat Pendaftar, Fakulti Pendidikan.
- Khairiah binti Warman (2003). *Hubungan Kepimpinan Guru Dangan Pembentukan Personaliti Pelajar Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda (Tidak Diterbitkan 2003)
- Mohd Suhaimi Khadir (2008). *Pembinaan Modul Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*:Tesis Sarjana Muda (Tidak Diterbitkan)
- Maznah Che Don (2008). *Pembinaan Modul Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*:Tesis Sarjana Muda (Tidak Diterbitkan)
- Robiah K Hamzah (2001). *Kepimpinan, Teknik dan Strategi membinbing Remaja*, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Shahrom Noordin (1989). *Buku Kerja Modul Pengajaran Individu*. Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Pendidikan Sains dan Teknik, Fakulti Sains.
- Siti Syatariyah Mohd Zohdi (2008). *Pembinaan Modul Program Pembangunan Kemasyarakatan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*:Tesis Sarjana Muda (Tidak Diterbitkan)